

**PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS): KAJIAN TERHADAP FAKTOR-
FAKTOR KEJAYAAN DAN CABARAN BAGI USAHAWAN WANITA MELAYU DI
DAERAH SEBERANG PERAI PULAU PINANG.**

FATEN SYAZWANIE BT MOHAMAD DARUS

811812

Kertas Projek Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Pengijazahan Program Ijazah

Sarjana Pengajian Strategik (Msc)

Ghazali Shafie Graduate School Of Government

Kolej Undang-Undang, Kerajaan Dan Pengajian Antarabangsa

Universiti Utara Malaysia

Jun 2013



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK SARJANA
(CERTIFICATION OF MASTER'S PROJECT PAPER)**

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

Faten Syazwanie Bt. Mohamad Darus (811812)

nama penuh
(full name)

calon untuk Ijazah **Master of Science (Strategic Studies)**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek sarjana yang bertajuk:
(has presented his/her master's project paper of the following title):

**Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) : Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kejayaan dan Cabaran bagi
Usahawan Wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek sarjana
(as it appears on the title page and front cover of the master's project paper)

bahawa kertas projek sarjana tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan, dan meliputi
bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the said master's project paper is acceptable on form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the master's project paper).

(i) Nama/Name : **Prof. Madya Dr. Ahmad Bashawir**
Penyelia Utama (Principal Supervisor)

Tandatangan
(Signature)

(ii) Nama/Name : _____

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:
(Date)


20/06/2013

PERAKUAN HAKCIPTA

Hakcipta bagi penulisan ini adalah terpelihara. Sebarang perbuatan membuat salinan pada mana-mana bahagian bab, ilustrasi atau isi kandungan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government, Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia adalah tidak dibenarkan sama sekali.

PERAKUAN PELAJAR

‘Dengan ini saya mengaku bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali bagi nukilan, ringkasan dan kutipan petikan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya’



.....

(FATEN SYAZWANIE BT MOHAMAD DARUS)


811812

Jun 2013

PERAKUAN PENERIMAAN

Setelah diteliti kertas projek yang bertajuk **PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA (PKS): KAJIAN TERHADAP FACTOR-FAKTOR KEJAYAAN DAN CABARAN BAGI USAHAWAN WANITA MELAYU DI DAERAH SEBERANG PERAI PULAU PINANG** yang diusahakan oleh **FATEN SYAZWANIE BT MOHAMAD DARUS (811812)** telah diterima sebagai memenuhi syarat Pengijazahan Program Sarjana Pengajian Strategik (Msc).

Diperakui oleh,



Prof. Madya Dr. Ahmad Bashawir Bin Haji Abdul Ghani

Penyelia

Ghazali Shafie Graduate School of Government

Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa

Universiti Utara Malaysia

Jun 2013

IV

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan di sini bagi merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Ahmad Bashawir Bin Haji Abdul Ghani di atas kesudian beliau untuk menyelia kertas projek ini. Tanpa bantuan beliau, mustahil bagi saya untuk berada pada tahap ini. Kesanggupan beliau dalam membimbing, memberi tunjuk ajar serta teguran membantu saya untuk menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Di samping itu, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada keluarga tersayang di atas sokongan dan semangat yang diberikan selama ini. Tidak lupa juga kepada sahabat dan teman seperjuangan, Dorongan dan bantuan yang kalian curahkan amat bermakna dan berharga dalam menjayakan kajian ilmiah ini.

Kepada pihak Ghazali Shafie Graduate School of Government , Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, pensyarah-pensyarah yang pernah memberi tunjuk ajar, dan semua pihak yang turut terlibat membantu saya untuk menyempurnakan kajian ilmiah ini secara langsung mahupun tidak langsung, ribuan terima kasih saya ucapkan.

ABSTRAK

Kajian bertajuk Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS): Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kejayaan Dan Cabaran Bagi Usahawan Wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang dianggap penting kerana kajian ini akan mengkaji instrumen-instrumen yang telah menyumbang kepada kejayaan dan juga cabaran yang terpaksa dihadapi oleh usahawan wanita Melayu PKS di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang. Sepertimana yang kita semua tahu, PKS merupakan salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Kerajaan Malaysia juga telah banyak memberi penumpuan terhadap bidang ini. Oleh sebab pembabitan lebih ramai rakyat dalam bidang keusahawanan, maka tidak mustahil jika matlamat negara untuk mencapai pendapatan perkapita yang tinggi menjelang 2020 mampu dicapai. Menjelang alaf ke-21 ini, peranan wanita dalam bidang ekonomi semakin meningkat dari semasa ke semasa. Golongan ini juga berperanan penting dalam memacu pembangunan ekonomi di negara kita. Oleh itu, hasil kajian ini akan meneliti adakah faktor taraf pendidikan, faktor individu, faktor persekitaran dan juga peranan agensi yang menjadi faktor penentu kepada kejayaan usahawan wanita Melayu PKS di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang. Selain itu juga kajian ini akan meneliti cabaran yang dihadapi oleh usahawan-usahawan ini dalam usaha membangunkan perniagaan mereka.

Kata Kunci : PKS, Wanita, Usahawan, Faktor Kejayaan dan Cabaran .

KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN HAK CIPTA	II
PERAKUAN PELAJAR	III
PERAKUAN PENERIMAAN	IV
PENGHARGAAN	V
ABSTRAK	VI
KANDUNGAN	
SENARAI SINGKATAN NAMA	
SENARAI CARTA, JADUAL DAN GAMBARAJAH	
BAB 1	
1.0 PENGENALAN BAB	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	2-6
1.2 PENYATAAN MASALAH	7
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	8
1.4 PERSOALAN KAJIAN	8
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	9

1.6	DEFINISI KONSEPTUAL	10
	1.6.1 Definisi PKS Di Malaysia	10-11
	1.6.2 Definisi Usahawan	12
	1.6.3 Definisi Usahawan Wanita	12
1.7	SKOP KAJIAN	12
1.8	KERANGKA KERJA TEORI	13
1.9	PEMBAHAGIAN BAB	13

BAB 2 : ULASAN KARYA

2.0	Pengenalan Bab	14
2.1	DEFINISI PKS	15
	2.1.1 Definisi PKS di Negara Maju	15-16
	2.1.2 Definisi PKS di Negara Sedang Membangun	16-17
2.2	FAKTOR MEMPENGARUHI PEMBANGUNAN USAHAWAN PERINGKAT GLOBAL	18
2.3	FAKTOR MEMPENGARUHI PEMBANGUNAN USAHAWAN DI MALAYSIA	19
2.4	FAKTOR KEJAYAAN USAHAWAN DI MALAYSIA	20
2.5	CABARAN DAN HALANGAN USAHAWAN WANITA PKS DI PERINGKAT GLOBAL	20-22
2.6	CABARAN DAN HALANGAN USAHAWAN DI MALAYSIA	22-25

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	26-27
3.1	Carta Aliran Kajian	28
3.2	Skop Kajian	29
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	30
3.3.1	Sumber Primer	30
3.3.1.1	Temuramah	30
3.3.1.2	Responden	30
3.3.2	Sumber Sekunder	31
3.4	Senarai Responden: Usahawan dan Syarikat/ PERNIAGAAN	31
3.5	Senarai Pegawai yang ditemuramah	32

BAB 4: ANALISIS HASIL DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan Bab	33
4.1	Hasil Temuramah bersama Puan Noor Hafiza Binti Ismail (Penolong Pegawai Mara Daerah Seberang Perai Tengah)	34-36
4.2	Hasil Temuramah bersama Puan Sazwani BT Zulkiply (Pengurus Cawangan Amanah Ikhtiar Malaysia Cawangan Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang).	37-38
4.3	(Responden 1) Pemilik Terang Bulan Food Industries (M) Sdn Bhd	39-42

4.4	(RESPONDEN 2) SYARIKAT/ PERNIAGAAN C.M SAL ENTERPRISE	43-45
4.5	(RESPONDEN 3) – DIQ RESOURCES	46-48
4.6	(RESPONDEN 4) GURINDAM LARIS FESYEN ENTERPRISE	49-50
4.7	(RESPONDEN 5) BERSAMA PUAN SURAYA BINTI SABUDIN (PEMILIK SWADAYA KOLEKSI)	51-53
4.8	ANALISIS HASIL DAPATAN	54-60
4.9	KESIMPULAN BAB	61

BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan Bab	62
5.1	Cadangan	62-65
5.2	Kesimpulan	66

RUJUKAN

LAMPIRAN

SINGKATAN NAMA

AIM	AMANAH IKHTIAR MALAYSIA
DPMMP	DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA PULAU PINANG
<i>EC</i>	<i>EUROPEAN COMMISSION</i>
MARA	MAJLIS AMANAH RAKYAT
PBB	PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU
PDC	PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
PKS	PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA
SME CORP	PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA
TEKUN	TABUNG EKONOMI KUMPULAN USAHA NIAGA
<i>SBA</i>	<i>SMALL BUSINESS ADMINISTRATION</i>

SENARAI CARTA, GAMBARAJAH DAN JADUAL

- Carta 4.0 : Skala Umur Usahawan Wanita Melayu Daerah Seberang Perai
Pulau Pinang
- Carta 4.1 : Taraf Pendidikan Usahawan Wanita Melayu Daerah Seberang
Perai Pulau Pinang.
- Carta 4.2: Pengalaman Dalam Bidang Perniagaan.
- Carta 4.3 : Faktor Mempengaruhi Penglibatan Usahawan Wanita Melayu PKS
Daerah Seberang Perai Pulau Pinang Dalam Bidang Perniagaan.
- Carta 4.4 : Strategi Perniagaan
- Gambarajah 3.0: Peta Negeri Pulau Pinang; Lokasi Kajian di Daerah Seberang
Perai.
- Jadual 1.0: Definisi PKS berdasarkan nilai jualan tahunan.
- Jadual 1.1: Definisi PKS berdasarkan bilangan pekerja sepenuh masa.
- Jadual 2.0: Jadual kategori PKS di Filipina.
- Jadual 3.0: Senarai Responden: Usahawan dan Syarikat/ Perniagaan.
- Jadual 3.1 : Senarai Pegawai yang ditemuramah.

**PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS): KAJIAN TERHADAP
FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN DAN CABARAN BAGI USAHAWAN WANITA
MELAYU DI DAERAH SEBERANG PERAI, PULAU PINANG.**

BAB 1

1.0 PENGENALAN BAB

Pertama sekali, berdasarkan tajuk kajian di atas, kertas projek ini akan membuat kajian berkaitan faktor-faktor kejayaan dan cabaran bagi usahawan wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Dalam bab ini, penumpuan akan diberikan terhadap latar belakang kajian yang meliputi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia dan juga Pulau Pinang. Selain itu, bab ini juga akan menyentuh secara asas berkaitan penglibatan kaum wanita dalam bidang keusahawanan. Seterusnya bab ini juga akan menerangkan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, definisi konseptual, skop kajian dan juga penerangan ringkas berkaitan pembahagian bab bagi keseluruhan kertas projek ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan salah satu elemen dan komponen penting dalam memacu ke arah transformasi ekonomi Malaysia. Sumbangan besar PKS terhadap pertumbuhan ekonomi negara dapat dilihat menerusi peluang pekerjaan dan hasil keluaran ekonomi. Tambahan lagi, PKS juga turut menyumbang dalam aspek penjanaan pendapatan, simpanan, latihan, rangsangan persaingan, sumber kepada firma besar, inovasi, menjadi syarikat besar dan usahasama baru (Mohd Khairuddin Hashim, 2011: 27).

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, PKS telah mencatat prestasi yang memberangsangkan dan melalui PKS, taraf hidup masyarakat juga dapat diperbaiki dari semasa ke semasa. Kerajaan Malaysia juga telah melakukan pelbagai usaha bagi membangunkan PKS di negara ini. Buktinya, menerusi pelancaran Pelan Induk PKS (2012– 2020) yang telah dilancarkan untuk mempercepatkan pertumbuhan PKS melalui inovasi dan produktiviti. Pelan induk ini melibatkan pelaksanaan 32 inisiatif termasuk enam Program Berimpak Tinggi (Thomas Chong, 2012).

Disamping itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menjalankan beberapa usaha untuk memperkasakan PKS di negeri tersebut. Melalui kenyataan akhbar Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Lim Guan Eng pada 2 Disember 2011 di Komtar, beliau telah mengambil pendekatan membina pusat PKS yang pada waktu tersebut masih dalam pembinaan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) (Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2011). Pusat ini dibina di Bayan Lepas Industrial Park

Phase IV dan bertujuan untuk memupuk dan menjana inovasi PKS untuk mengembangkan nilai rantaian melalui penyediaan ruang dengan kadar sewa yang berdaya saing. Tambahan lagi dengan adanya pusat PKS ini, usahawan berpeluang untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka secara meluas. Pembinaan pusat PKS ini juga merupakan salah satu daripada pendekatan yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menampung pertumbuhan PKS dalam mendaki nilai rantaian serta memberi penjenamaan semula Pulau Pinang atau "Powered In Penang" dalam semua perkhidmatan dan produk (Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2011).

Kemudian terdapat 2 lagi pendekatan iaitu pertama, dengan menubuhkan penasihat pemasaran SME, pusat sumber dan latihan smart dan kedua dengan melancarkan pembangunan perkampungan PKS di Bukit Minyak dan Batu Kawan di Seberang Perai untuk membantu PKS berkembang melalui pembinaan kilang-kilang di kawasan tersebut. Berdasarkan prestasi PKS yang memberansangkan dalam membantu meningkat tahap ekonomi di negeri ini, usaha kerajaan negeri Pulau Pinang dilihat mampu membawa kejayaan PKS pada masa hadapan. Tambahan lagi, bagi membantu usahawan Melayu dalam menjalankan aktiviti perniagaan, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMP) juga telah memainkan peranannya yang tersendiri. Khususnya, untuk kaum wanita Melayu pula, Dewanita, DPMMP telah ditubuhkan pada tahun 1992 dengan tujuan menyelaraskan kegiatan usahawan wanita Melayu di samping mengenal pasti peluang perniagaan kepada ahli-ahlinya (Sumber: Portal Rasmi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang: Dewanita DMMPP).

Umumnya, seperti yang kita sedia maklum, peruntukan yang diberi menerusi Bajet 2013 telah dibentangkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia pada 28 September 2012 di Dewan Rakyat dengan bertemakan "Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati" turut menyediakan dana kepada PKS. Dana sebanyak RM 1 bilion ringgit akan disediakan di bawah Skim Pembangunan PKS di bawah kendalian SME Bank bagi mempercepatkan pertumbuhan industri PKS dan memperluaskan skop kawasan industri di seluruh negara (Kalaichelvi A/P Rajagopal, 2012).

Langkah ini bagi memudahkan akses PKS supaya mendapat pembiayaan dan seterusnya memajukan perniagaan mereka. Dana tersebut bertujuan untuk dimanfaatkan menerusi aktiviti sumber dari luar dan pemerolehan teknologi oleh syarikat-syarikat tempatan. Malahan, dengan pemilihan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana SME Corp. Malaysia (dahulunya dikenali sebagai SMIDEC) yang memulakan operasi sebagai Agensi Penyelaras Pusat bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pada 2 Oktober 2009, hal ini sekaligus menunjukkan komitmen kerajaan kepada agenda pembangunan PKS negara.

SME Corp. Malaysia berperanan sebagai sebuah agensi khusus untuk merangka dan menyelaras pelbagai program pembangunan secara bersepadu yang melibatkan lebih 17 Kementerian dan 60 Agensi (Sumber: Laporan Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Malaysia. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia , 2010:69).

PKS juga dilihat sebagai salah satu mekanisme penghubung dalam memajukan masyarakat Melayu khususnya dari aspek pembangunan sosioekonomi. Beberapa tahun kebelakangan ini, bilangan wanita yang menceburi bidang keusahawanan menunjukkan peningkatan yang amat menggalakkan. Penglibatan wanita dalam PKS juga harus dibanggakan kerana mereka sudah mampu keluar dari kepompong hidup yang dibelenggu kemiskinan.

Menurut statistik bancian yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011, daripada sejumlah 645,136 pertubuhan PKS yang aktif beroperasi, 19.7% adalah dimiliki oleh wanita. Mengikut statistik ini juga, PKS milikan wanita tertumpu dalam sektor perkhidmatan dengan peratusan sebanyak 91.7% dan majoriti PKS milikan wanita adalah bersaiz mikro iaitu sebanyak 88.0% (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Kenyataan Akhbar : Sidang Media Laporan Banci Perusahaan Kecil dan Sederhana 2011:2). Berdasarkan statistik tersebut, kita dapat melihat bahawa penglibatan golongan wanita semakin meningkat menjelang abad ke-21 ini. Penglibatan ini membuktikan bahawa golongan ini mempunyai komitmen dan kebolehan dalam memajukan perniagaan mereka.

Tambahan lagi, bagi membantu wanita dalam meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran buruh, pelbagai skim telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Sebagai contohnya ialah Amanah Iktiar Malaysia (AIM), SME Corp, skim bantuan khas bagi usahawan wanita yang dilaksanakan oleh SME Corp, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan skim bantuan khas iaitu skim

yang memberi akses pembiayaan yang lebih luas kepada usahawan-usahawan wanita. Hal ini telah membuktikan bahawa peranan wanita penting dalam membangunkan ekonomi sesebuah keluarga dan juga negara. Misalnya, penglibatan kaum wanita Melayu di Pulau Pinang dalam bidang keusahawanan melalui Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam usaha meningkatkan taraf hidup sosioekonomi wanita di negeri tersebut.

Walaupun secara dasarnya, kaum Melayu di Pulau Pinang dilihat agak ketinggalan dalam aspek ekonomi, namun dengan penglibatan mereka khususnya golongan wanita dalam aktiviti keusahawanan, berkemungkinan jurang perbezaan ekonomi dapat dikurangkan. Pada zaman dahulu, peranan wanita kurang mendapat perhatian dalam pembangunan ekonomi negara, namun peredaran zaman membawa perubahan kepada peranan wanita dalam aspek pembangunan ekonomi negara.

Kejayaan demi kejayaan yang dikecapi oleh golongan ini amatlah membanggakan terutama sekali dalam bidang perniagaan. Oleh itu, satu kajian bertajuk Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS): Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kejayaan dan Cabaran Bagi Usahawan Wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang akan dilakukan.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Bagi melaksanakan kajian ini, terdapat masalah yang harus diberi perhatian. Sepertimana yang kita semua tahu, sektor PKS telah menyumbang kepada KDNK negara kita. Peningkatan penglibatan wanita di Malaysia dalam sektor ini pada alaf 21 tidak dapat dinafikan lagi. Permasalahan yang telah diajukan oleh (Norbaiti Tukiman & Ghazali, Ismail , 2010) iaitu berapa peratuskah usahawan wanita Melayu yang berjaya dan menonjol dalam perusahaan dan perniagaan ini. Oleh bermula dengan permasalahan yang diutarakan oleh kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian ini, satu kajian berkaitan faktor-faktor kejayaan dan cabaran bagi usahawan wanita Melayu PKS di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang akan dilakukan.

Isu ini amat penting kerana bidang keusahawanan dan wanita Melayu dilihat kurang meluas dan banyak di dominasi oleh kaum Cina. Hal ini telah membawa kepada perbezaan jurang sosioekonomi yang ketara diantara kaum terutama sekali di Daerah Seberang Perai , Pulau Pinang . Dalam bidang keusahawanan terutamanya, kedudukan golongan wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang dilihat agak kritikal. Hal ini berlaku mungkin disebabkan beberapa halangan yang terpaksa mereka tempuhi dalam meneruskan bidang perusahaan mereka. Halangan-halangan ini perlu dikenalpasti bagi memastikan usahawan wanita melayu di Daerah Seberang Perai ,Pulau Pinang mampu mencapai kejayaan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor kejayaan dan cabaran bagi usahawan PKS wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini merangkumi beberapa persoalan antaranya ialah:

- 1- Adakah faktor individu usahawan itu sendiri menyumbang ke arah kejayaan usahawan PKS wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang
- 2- Adakah faktor pendidikan boleh menyumbang ke arah kejayaan usahawan PKS wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang?
- 3- Bagaimanakah faktor persekitaran memainkan peranan dalam menentukan kejayaan usahawan PKS wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang?
- 4- Bagaimanakah peranan agensi-agensi kerajaan dan swasta dapat membantu di dalam memajukan usahawan PKS wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang?
- 5- Apakah jenis cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi oleh usahawan wanita di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana(PKS)?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini dianggap penting kerana isu taraf sosioekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu Pulau Pinang dilihat berada pada paras membimbangkan. Taraf sosio-ekonomi antara kaum di negeri ini dikatakan tidak seimbang. Kemajuan ekonomi wanita Melayu di negeri Pulau Pinang boleh dikatakan kurang memberangsangkan. Kita perlu menyedari bahawa kemajuan ekonomi adalah sangat penting dalam menentukan hala tuju taraf hidup mahupun status sosial sesebuah masyarakat.

Hal ini kerana bagi mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, ramuan terpenting adalah memastikan tiada jurang perbezaan yang ketara antara masyarakat ataupun kaum di Malaysia, terutamanya jurang ekonomi dan pendapatan (Sumber: Portal Rasmi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM) 2012: Agenda Ekonomi Bumiputera Tetap Keutamaan Kerajaan).

Oleh itu, kajian ini amat penting kerana penglibatan kaum wanita Melayu Pulau Pinang khususnya di daerah Seberang Perai dalam bidang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dilihat mampu merealisasikan matlamat bagi melahirkan golongan wanita Melayu Pulau Pinang yang maju dan berdaya saing bukan sahaja di peringkat dalam negara bahkan hingga ke peringkat global.

1.6 DEFINISI KONSEPTUAL

Dalam kertas projek ini, definisi konseptual yang akan digunakan adalah perusahaan kecil dan sederhana, definisi PKS di Malaysia, usahawan, usahawan wanita dan sosioekonomi.

1.6.1 Definisi PKS di Malaysia.

Umumnya terdapat pelbagai definisi yang boleh digunakan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Namun begitu dalam konteks Malaysia definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang diterima pakai oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan adalah berdasarkan kepada dua kriteria merangkumi nilai jualan tahunan sesebuah perniagaan dan bilangan pekerja sepenuh masa sesebuah perniagaan (Sumber: Ringkasan Pelan Induk PKS 2012-2013: 34). PKS juga merangkumi pertubuhan bersaiz mikro, kecil dan sederhana. Secara amnya, PKS di Malaysia didefinisikan seperti berikut:

- i- Sektor pembuatan: Jualan tahunan kurang daripada RM25 juta ATAU kurang daripada 150 pekerja sepenuh masa dan
- ii- Sektor perkhidmatan dan lain-lain: Jualan tahunan kurang daripada RM5 juta ATAU kurang daripada 50 pekerja sepenuh masa (Sumber: Ringkasan Pelan Induk PKS 2012-2013: 34)

Berikut adalah definisi terperinci bagi PKS di Malaysia:

Nilai Jualan Tahunan:

Saiz	Pembuatan(termasuk asas tani & perkhidmatan berkaitan pembuatan	Pertanian asas	Sektor perkhidmatan termasuk (ICT)
Mikro	Kurang daripada RM250,000	Kurang daripada RM200,000	Kurang daripada RM200,000
Kecil	Dari RM250,000 sehingga kurang daripada RM10 juta	Dari RM200,000 sehingga kurang daripada RM1 juta	Dari RM200,000 sehingga kurang daripada RM1 juta
Sederhana	Dari RM10 juta sehingga kurang daripada RM25 juta	Dari RM1 juta sehingga kurang daripada RM5 juta	Dari RM1 juta sehingga kurang daripada RM5 juta

Jadual 1.0: Definisi PKS berdasarkan nilai jualan tahunan. (Sumber: Ringkasan Pelan Induk PKS 2012-2013: 34)

Bilangan Pekerja Sepenuh Masa

Saiz	Pembuatan(termasuk asas tani & perkhidmatan berkaitan pembuatan	Pertanian asas	Sektor perkhidmatan termasuk (ICT)
Mikro	Kurang daripada 5 pekerja	Kurang daripada 5 pekerja	Kurang daripada 5 pekerja
Kecil	Dari 5 sehingga kurang daripada 50 pekerja	Dari 5 sehingga kurang daripada 20 pekerja	Dari 5 sehingga kurang daripada 20 pekerja
Sederhana	Dari 50 sehingga kurang daripada 150 pekerja	Dari 20 sehingga kurang daripada 50 pekerja	Dari 20 sehingga kurang daripada 50 pekerja

Jadual 1.1: Definisi PKS berdasarkan bilangan pekerja sepenuh masa. (Sumber: Ringkasan Pelan Induk PKS 2012-2013: 34)

1.6.2 Definisi Usahawan

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, usahawan ialah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan atau dikenali juga sebagai pengusaha. Menurut (Malach-Pines & Ozbilgin, 2010: 1) definisi usahawan dapat ditakrifkan sepertimana yang telah ditakrifkan oleh Joseph Schumpeter (1934). Takrifan tersebut adalah '*entrepreneur as an innovator and a catalyst of change who continuously does things that have not been done before and do not fit established societal patterns*' (Schumpeter, 1934).


1.6.3 Definisi Usahawan Wanita

Menurut Merriam Webster Dictionary (2013), usahawan wanita dapat didefinisikan sebagai "*a women who transacts business especially one who is a business executive*".

1.7 SKOP KAJIAN

Berdasarkan tajuk kajian; Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS): Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kejayaan Dan Cabaran Bagi Usahawan Wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang, fokus kajian ini akan memberi fokus penumpuan kepada usahawan wanita berbangsa Melayu yang terlibat dalam Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Kawasan yang akan menjadi fokus kajian adalah di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Kategori PKS yang akan diambil sebagai perincian kajian adalah PKS meliputi sektor pembuatan, dan sektor perkhidmatan.

1.8 KERANGKA KERJA TEORI



1.9 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini terbahagi kepada beberapa bab antaranya ialah:

Bab 1 Akan membincangkan latar belakang kajian

bab 2 Akan menganalisa ulasan karya-karya lepas

bab 3 Akan memfokuskan kepada metodologi kajian

bab 4 Akan memberikan analisis hasil dapatan kajian

bab 5 Mengandungi perbincangan dan cadangan

BAB 2 : ULASAN KARYA

2.0 PENGENALAN BAB

Seperti yang kita sedia maklum, latar belakang kajian yang menghuraikan ruang lingkup kajian telah dinyatakan dalam perbincangan Bab 1. Bab 2 ini merupakan kesinambungan daripada perbincangan yang dicetuskan dalam Bab 1. Objektif utama ulasan karya ini adalah untuk meningkatkan pemahaman terhadap subjek kajian lepas berkaitan isu-isu yang berkaitan teras kajian ini. Bab ini juga akan membincangkan konsep serta dapatan kajian lalu berkaitan definisi PKS, definisi PKS di negara sedang membangun, definisi PKS di negara maju, faktor mempengaruhi pembangunan usahawan peringkat global, faktor mempengaruhi pembangunan usahawan di Malaysia, faktor kejayaan usahawan di Malaysia cabaran dan halangan usahawan wanita PKS di peringkat global dan cabaran serta halangan usahawan di Malaysia. Sorotan karya lepas ini juga adalah berpandukan jurnal, artikel dan juga buku yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

2.1 DEFINISI PKS

Sepertimana yang kita sedia maklum, definisi PKS adalah berbeza-beza bagi setiap negara di dunia ini. Namun begitu, walaupun terdapat perbezaan dari aspek definisi, kesemua negara di dunia ini menerima PKS sebagai salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi di negara masing-masing. Umumnya definisi yang diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mendefinisikan perusahaan kecil sebagai perusahaan yang mempunyai bilangan pekerja kurang daripada 500 orang (Parboteah & Cullen, 2011: 177). Menurut (Mohamad Khairuddin, 2010: 1), definisi PKS dapat dibahagikan kepada kelompok negara maju dan negara sedang membangun.

2.1.1 Definisi PKS di Negara Maju

Contoh negara yang maju adalah Jepun, Amerika Syarikat, Eropah dan Hong Kong. PKS di Jepun dapat ditakrifkan berdasarkan bilangan pekerja dan jumlah modal (Mohamad Khairuddin, 2010: 3). Disamping itu, institut penyelidikan PKS di Jepun (JSBRI, 2008) menyatakan bahawa PKS di negara itu adalah berdasarkan milikan modal tidak lebih daripada 300 million Yen atau mempunyai bilangan pekerja tetap sebanyak 300 orang atau kurang dari bilangan tersebut. Kemudian, di Amerika Syarikat, agensi yang bertanggungjawab bagi melaksanakan PKS di negara tersebut adalah *Small Business Administration (SBA)*. Tugas agensi ini adalah bagi memberi bantuan, rundingan dan melindungi kepentingan perusahaan kecil sebagaimana bagi memacu perusahaan kecil di negara tersebut (Mohamad Khairuddin, 2010: 3).

SBA juga telah menggariskan saiz yang standard bagi perusahaan kecil berdasarkan purata bilangan pekerja dan purata pendapatan tahunan. Tambahan lagi menurut (Mohamad Khairuddin, 2010: 5) di negara Eropah pula, pada permulaannya *European Commission (EC)* mendefinisikan perusahaan kecil di sana berdasarkan bilangan pekerja iaitu perusahaan yang mempunyai bilangan pekerja kurang daripada 500 orang.

Selepas itu dalam tahun 2003, *EC* telah mengemukakan definisi baru bagi PKS di Eropah. Definisi baru ini adalah berdasarkan bilangan pekerja, pulangan tahunan dan lebih jumlah yang bermula Januari 2005. Bagi negara Hong Kong pula, PKS juga didefinisikan berdasarkan jumlah pekerja. (Mohamad Khairuddin, 2010: 6) mengatakan bahawa PKS dalam firma pembuatan, mempunyai pekerja sebanyak 100 pekerja manakala PKS yang bukan dalam kategori pembuatan mempunyai pekerja seramai kurang daripada 20 orang.

2.1.2 Definisi PKS Di Negara Sedang Membangun

Antara contoh negara-negara sedang membangun adalah Thailand, Brunei, Indonesia, dan Filipina. Definisi PKS antara negara ini juga berbeza-beza meskipun berada dalam kelompok negara yang sama. Bagi negara Thailand, seperti yang telah dibangunkan oleh kementerian industri negara tersebut, firma yang kurang daripada 10 million Bath sebagai kecil dan firma yang mempunyai lebih daripada 10 million Bath dan kurang daripada 100 million Bath sebagai firma bersaiz sederhana (Mohamad Khairuddin, 2010: 8).

Disamping itu, menurut (Mohamad Khairuddin, 2010:8) klasifikasi saiz perniagaan di negara Brunei adalah berpandukan jumlah bilangan pekerja. Berdasarkan definisi yang diterima pakai di Brunei, perusahaan kecil mempunyai kurang daripada 10 pekerja dan perusahaan sederhana mempunyai sebanyak 10-100 pekerja. Akhir sekali firma yang mempunyai pekerja seramai 100 dikenali sebagai perusahaan besar.

Di negara Indonesia, pada tahun 1995, kerajaan Indonesia memperkenalkan definisi perniagaan kecil berdasarkan nilai untung bersih dan jualan. Menurut defnisi tersebut, perniagaan kecil mempunyai nilai aset bersih sebanyak 200 million rupiah. Selain itu, perniagaan kecil di Indonesia mestilah dimiliki oleh penduduk tempatan dan mereka tidak seharusnya dimiliki oleh perusahaan sederhana dan besar (Mohamad Khairuddin, 2010: 8-9). Berlainan pula dengan negara Filipina, dua kriteria utama yang digunakan untuk mengkategorikan PKS adalah saiz aset dan bilangan pekerja (Mohamad Khairuddin, 2010: 9). Jadual di bawah berikut adalah kategori PKS di negara tersebut.

Kategori	Saiz aset	Bilangan pekerja
Mikro	>150,000 peso	-
Kecil	150-15000,000 peso	-
Kecil	1,500,00-15,000,000 peso	10-99 orang
Sederhana	15,000,00-60,000,000 peso	100-199 orang

Jadual 2.0: Jadual kategori PKS di Filipina

2.2 FAKTOR MEMPENGARUHI PEMBANGUNAN USAHAWAN PERINGKAT GLOBAL

(Hossain *et. al*, 2009) telah menjalankan kajian berkaitan faktor yang mempengaruhi pembangunan usahawan wanita di Bangladesh. Kajian ini mendapati bahawa penglibatan dalam persatuan wanita, sokongan dan pembuatan keputusan serta pengetahuan adalah faktor utama dalam mempengaruhi wanita di Bangladesh untuk membangunkan perniagaan mereka.

Melalui kajian lepas yang telah dilakukan oleh (Chittithaworn *et. al*, 2011:186), mereka telah mendapati bahawa faktor penentu kejayaan PKS di Thailand adalah karakteristik PKS, pelanggan dan pasaran, cara menjalankan perniagaan dan kerjasama, sumber dan kewangan dan juga persekitaran luar. Kemudian, hasil dapatan kajian (Rogoff *et. al* , 2004) mendapati terdapat 11 faktor mempengaruhi kejayaan perniagaan kecil di Amerika iaitu latar belakang individu, pengurusan, kewangan, pasaran, modal manusia, situasi ekonomi, produk, persaingan, peraturan, teknologi dan faktor persekitaran.

2.3 FAKTOR MEMPENGARUHI PEMBANGUNAN USAHAWAN DI MALAYSIA

Sepertimana yang kita tahu, terdapat berbagai faktor yang mempengaruhi pembangunan usahawan di Malaysia. Menurut kajian (Muhamad Asri & Zaimah, 2012) yang dilakukan terhadap usahawan pengusaha kecil dan sederhana di Johor Bahru dari pelbagai sektor, mereka mendapati bahawa faktor utama yang mendorong pengusaha-pengusaha tersebut menceburi bidang usahawan adalah disebabkan oleh dorongan keluarga dan agama. Manakala pula, faktor latar belakang diri, kemahiran mengurus perniagaan, kemahiran jaringan dan sokongan institusi / kerajaan merupakan faktor yang signifikan mempengaruhi prestasi perniagaan.

Shahrin dan Goh (2010) pula mendapati faktor kebanyakan usahawan Bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka menceburi bidang keusahawanan adalah faktor taraf hidup yang lebih baik, status sosial dan pengalaman bekerja mempengaruhi usahawan tersebut untuk menceburkan diri dalam bidang usahawan dalam sektor perlancongan manakala faktor taraf pendidikan, latihan dan umur kurang berpengaruh.

2.4 FAKTOR KEJAYAAN USAHAWAN DI MALAYSIA

Sana'a Abdul Karim & Ilhaamie A melalui hasil penulisan yang bertajuk *Muslim Women Entrepreneurs : A Study on Success Factors* telah mengenal pasti faktor kejayaan usahawan wanita di Malaysia. Antara faktor-faktor yang membawa kejayaan kepada usahawan wanita di negara ini ialah kepercayaan diri, keupayaan untuk mengenal pasti dan merebut peluang-peluang , inovatif, kreativiti dan kesanggupan mengambil risiko.

2.5 CABARAN DAN HALANGAN USAHAWAN WANITA PKS DI PERINGKAT GLOBAL

Kita tidak dapat menafikan bahawa usahawan wanita di peringkat global perlu menempuhi cabaran dan halangan untuk berjaya dalam perniagaan. Berpandukan kajian yang dilakukan oleh (Helal Uz Zaman *et. al*, 2011) di Bangladesh, persepsi masyarakat, bahawa aktiviti perniagaan berada dalam bidang kerja kaum lelaki menyebabkan usahawan wanita tidak diterima dengan begitu baik dalam masyarakat.

Berdasarkan banci ekonomi yang dilakukan pada tahun 2001-2003, keputusannya menunjukkan bahawa perusahaan wanita milikan wanita adalah hanyalah sebanyak 2.83% daripada keseluruhan perusahaan. Pemilihan sektor adalah terhad disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya adalah kekurangan sumber dan keengganan wanita mengambil risiko. Dari aspek pemberian pinjaman, terdapat diskriminasi bersasaskan kaum telah berlaku di Bangladesh di mana tempoh pemprosesan pinjaman antara kaum lelaki dan wanita adalah berbeza. Menurut Biro Statistik di Bangladesh, tempoh pemprosesan pinjaman bagi kaum lelaki adalah selama 57 hari manakala bagi kaum wanita adalah

selama 145 hari. Selain itu, bagi usahawan wanita di Sri Lanka, hasil kajian oleh (Ayadurai, 2004) mendapati bahawa cabaran dan halangan utama yang perlu ditempuhi oleh usahawan wanita di negara peperangan ini adalah kekurangan dana untuk perniagaan mereka. Bagi usahawan wanita di Nigeria pula, ketaksamarataan dan perbezaan jantina menjadi cabaran terbesar yang terpaksa di hadapi oleh mereka (Okafor & Mordi, 2010).

Kemudian, secara jelas dan nyata, menurut (Barwa, 2003) usahawan wanita di Vietnam dilihat sangat lemah kerana faktor sosial dan budaya gender yang berasaskan ketaksamarataan dan prasangka. Sebagai contohnya, halangan kepada usahawan wanita dari aspek akses pembiayaan kredit daripada institusi formal, akses pendidikan formal yang terhad, pemilikan harta dan mobiliti sosial. Selain itu, pengetahuan yang terhad berkaitan strategi pemasaran, kerjasama perniagaan yang lemah, kekurangan jaringan kemudahan dan kelemahan mengakses program latihan juga merupakan halangan dan cabaran kepada kebanyakan usahawan wanita.

Tambahan lagi, (Hookimsing & Essoo, 2003) telah mengenal pasti empat halangan utama yang perlu ditempuhi oleh usahawan wanita di Mauritius. Halangan-halangan tersebut adalah kesukaran mendapatkan permit, kekurangan pasaran, kecekapan untuk meningkatkan modal dan tidak dilihat dengan serius seperti lelaki.

Di negara India pula (Chawla , 2009) menyenaraikan beberapa masalah utama usahawan wanita antaranya ialah ketidakadilan dalam gender, kurang kepercayaan ke atas kebolehan wanita dalam bidang keusahawanan, pembiayaan yang tidak mencukupi, berlakunya konflik dan akses pengetahuan yang rendah.

Richardson et.al, (2004) mendapati kebanyakan usahawan wanita di Afrika kurang kebolehan, kemahiran dan kepakaran dalam hal-hal berkaitan perniagaan tertentu. Tambahan lagi, sebagai akibatnya, perniagaan wanita sangat mengalami pertumbuhan yang tidak memberangsangkan dan memberi impak kepada usahawan wanita di pelbagai tahap.

2.6 CABARAN DAN HALANGAN USAHAWAN DI MALAYSIA

Selain melihat hasil kajian lepas berkaitan cabaran usahawan wanita di peringkat global, kajian ini juga akan melihat hasil karya lepas berkaitan cabaran dan halangan usahawan wanita di Malaysia. Hasil kajian yang dilakukan oleh (Mason & Marhaini Ibrahim , 2012), usahawan wanita muslim di Malaysia menghadapi cabaran dari aspek yang berkaitan komitmen terhadap keluarga, masalah operasi dan juga kekurangan modal. Mereka tidak mempunyai masalah dan cabaran yang berkaitan ketaksamarataan, perbezaan jantina dan kelemahan posisi sosial.

Kemudian, (Rohayu Roddin *et.al*, 2010) merujuk kepada Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Mengikut Bidang yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Wanita pada tahun 2003 telah mengenalpasti beberapa masalah yang dihadapi oleh wanita yang terlibat dalam bidang keusahawanan sama ada di luar bandar ataupun di bandar.

Antara masalahnya ialah;

1-Kurang mendapat latihan dan pendedahan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan seperti pemasaran, pembangunan produk, kawalan mutu, teknologi pengeluaran yang canggih, pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, perniagaan import eksport, cara-cara memohon lesen perniagaan, cara-cara membuat pinjaman, motivasi dan keyakinan diri.

2- Peluang yang terhad untuk mendapatkan pinjaman dan kemudahan kredit dari institusi-institusi kewangan untuk memulakan perniagaan serta untuk tujuan pengembangan perniagaan.

3- Sebilangan besar wanita yang terlibat dalam sektor tidak formal sama ada sebagai pekerja sendiri atau pekerja terdedah kepada eksploitasi seperti upah yang rendah serta keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan.

4- Kurang pengetahuan tentang peluang perniagaan serta pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian.

Disamping itu, menerusi ucapan (Sulaiman Md Yassin, 1998) salah satu penemuan telah ditemui dalam kajian yang telah dijalankan terhadap cabaran dan halangan yang ditempuhi oleh usahawan wanita di Terengganu. Hasil penemuan mendapati terdapatnya kekurangan penglibatan mahupun sokongan daripada pihak suami. Ini telah menjejaskan prestasi perusahaan yang dijalankan oleh wanita.

Beberapa faktor halangan kepada perkembangan usahawan wanita di negeri tersebut antaranya ialah kelemahan perhubungan dan komunikasi, kekurangan pengetahuan dan pengalaman, kelemahan pengurusan, ketiadaan wawasan dan matlamat yang jelas, tekanan sosial serta persaingan daripada pengusaha yang sudah lama beroperasi. Kajian yang dilakukan oleh (Hasnah Ali *et. al*, 2010), telah menyenaraikan 7 masalah serta cabaran yang menghalang usahawan Melayu untuk maju ke hadapan. Antara masalah-masalah tersebut ialah:

- 1-Kurang ilmu dalam perniagaan yang ingin diceburi.
- 2- Tidak berani melabur untuk mempromosi barangan mereka.
- 3-Tiada matlamat yang konsisten.
- 4- Tidak berani untuk menjalinkan yang baik dengan pelanggan dan pembekal.
- 5-Pengurusan kewangan yang tidak cekap akibat tidak mengasingkan keperluan perniagaan dan peribadi.
- 6- Tidak menerapkan konsep mesra pelanggan.
- 7- Tidak saling membantu antara satu sama lain.

Oleh itu, dengan merujuk kepada hasil ulasan karya-karya lepas, kajian ini akan lebih memperincikan tentang faktor-faktor kejayaan usahawan wanita Melayu dalam PKS di Seberang Perai, Pulau Pinang. Disamping itu, disebalik kejayaan, terdapat juga cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi oleh para usahawan ini dan akan dikaji dalam kajian ini. Oleh itu, bagi mendapat jawapan bagi persoalan dalam kajian ini, maka dalam bab seterusnya metod-metod akan digunakan oleh pengkaji akan dijelaskan.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN


3.0 PENGENALAN

Lanjutan kepada bab sebelum ini, Bab 3 akan menjelaskan metod-metod atau kaedah-kaedah yang akan digunakan dalam pengumpulan data untuk menjawab semua persoalan-persoalan kajian. Permulaan bab ini adalah dengan menjelaskan aliran keseluruhan kajian berpandukan carta aliran kajian. Dalam bab ini, skop kajian akan dijelaskan untuk memudahkan proses mengumpul data. Disamping itu, sumber primer dan sumber sekunder juga digunakan untuk mendapatkan data-data. Disamping itu, reka bentuk kajian ini juga berbentuk tinjauan deskriptif yang akan dinilai oleh kaedah kuantitatif dan kualitatif.

Reka bentuk serta kaedah ini telah dipersetujui dinyatakan oleh Mohd Majid Konting (2005) menerusi jurnal hasil karya (Abdul Rasid Jamian, 2011: 6). Jurnal ini menerangkan bahawa kajian berbentuk deskriptif adalah satu kajian yang bertujuan untuk menerangkan tentang suatu keadaan yang berlaku. Hal ini berkaitan dengan kajian yang dilakukan iaitu mengkaji faktor-faktor kejayaan dan cabaran bagi usahawan wanita Melayu PKS di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang. Hasil akhir kajian akan diterangkan dalam bentuk carta, peratusan dan penerangan.

Kajian ini juga menggunakan sebanyak 5 responden yang terdiri daripada usahawan wanita Melayu PKS di Daerah Seberang Perai Tengah dan juga 2 orang pegawai agensi yang berkaitan PKS. Di samping itu, kaedah temubual juga digunakan bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang perkembangan usahawan wanita Melayu PKS di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang.

3.1 CARTA ALIRAN KAJIAN



3.2 SKOP KAJIAN

Seperti mana yang diketahui, dalam sesebuah kajian, skop kajian memainkan peranan penting dalam proses pengumpulan data. Hal ini kerana dengan adanya skop kajian, maka sesebuah kajian akan menjadi lebih fokus dan mudah untuk menjawab persoalan. Berdasarkan tajuk kajian; Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS): Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kejayaan Dan Cabaran Bagi Usahawan Wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang, fokus kajian ini akan memberi fokus penumpuan kepada usahawan wanita berbangsa Melayu yang terlibat dalam Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Kawasan yang akan menjadi fokus kajian adalah di Daerah Seberang Prai, Pulau Pinang. Kategori PKS yang akan diambil sebagai perincian kajian adalah PKS meliputi sektor pembuatan, dan sektor perkhidmatan milik wanita berbangsa Melayu.



Gambarajah 3.0: Peta Negeri Pulau Pinang; Lokasi Kajian Di Daerah Seberang Perai. (Sumber: http://1.bp.blogspot.com/_oMhNQ3iBee0/SidwN4icWDI/AAAAAAAAAKs/kNz5vuCncrc/s1600-h/Peta+negeri+pulau+pinang.png)

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Seterusnya kajian ini juga mempunyai kaedah pengumpulan data bagi membantu menjawab persoalan kajian. Kaedah-kaedah ini terbahagi kepada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

3.3.1 Sumber Primer

Sumber primer dalam kajian ini adalah sumber yang boleh diperolehi secara langsung antara pengkaji dan pemberi sumber. Antara sumber primer dalam kajian ini adalah melalui temuramah dan responden.

3.3.1.1 Temuramah

Sesi temuramah dalam kajian ini melibatkan pegawai dari agensi-agensi mempunyai kaitan dengan bidang PKS dan usahawan wanita melayu . Antara pegawai yang akan ditemuramah ialah dari agensi seperti MARA dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

3.3.1.2 Responden

Disamping itu, responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah terdiri daripada 5 usahawan wanita Melayu di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Kajian juga akan dilakukan ke atas perusahaan-perusahaan mereka dari sektor pembuatan dan perkhidmatan.

3.3.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada buku, jurnal dan risalah-risalah.

3.4 SENARAI RESPONDEN: USAHAWAN DAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN

RESPONDEN	NAMA USAHAWAN	NAMA SYARIKAT/ PERNIAGAAN
1	Puan Hazilah Binti Abdul Rahman	Terang Bulan Food Industries (M) Sdn Bhd
2	Puan Che Ma@ Salmah Binti Hashim	C M Sal Enterprise
3	Puan Hashimah Abd Hashim	DIQ Resources
4	Sarimah binti hashim	Gurindam Laris Fesyen Enterprise
5	Suraya Binti Sabudin	Swadaya Koleksi

Jadual 3.0: Senarai Responden: Usahawan Dan Syarikat/ Perniagaan.

3.5 SENARAI PEGAWAI YANG DITEMURAMAH

NAMA PEGAWAI	AGENSI	JAWATAN
Puan Nor Hafiza Binti Ismail	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Penolong Pegawai Mara Daerah Seberang Perai Tengah
Puan Sazwani Bt Zulkipli	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	Pengurus Cawangan Amanah Ikhtiar Malaysia Cawangan Bukit Mertajam.

Jadual 3.1 : Senarai Pegawai yang ditemuramah.

Oleh itu, dengan menggunakan reka bentuk kajian deskriptif serta kaedah-kaedah yang telah dinyatakan di atas, diharap agar proses pengumpulan data dan hasil dapatan kajian dapat memenuhi jawapan bagi persoalan kajian bagi kajian ini.

BAB 4 : ANALISIS HASIL DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN BAB

Melalui metod-metod yang dinyatakan dalam Bab sebelum ini, dalam Bab 4 ini, akan memberikan analisis menyeluruh berkaitan tajuk kajian: Perusahaan Kecil Sederhana (PKS): Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kejayaan Dan Cabaran Bagi Usahawan Wanita Melayu Di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang. Analisis dan hasil dapatan dinyatakan dalam bentuk carta pai, carta bar dan juga jawapan bagi persoalan.

4.1 HASIL TEMURAMAH BERSAMA PUAN NOOR HAFIZA BINTI ISMAIL (PENOLONG PEGAWAI MARA DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH).

Seperti mana yang telah dimaklumkan dalam Bab 1, Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga merupakan salah satu badan penting yang memberi bantuan pembiayaan dan teknikal kepada usahawan wanita Melayu di negara ini. Melalui kajian ini yang memberi tumpuan kepada usahawan wanita yang terlibat dalam Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Pulau Pinang, pengkaji telah berpeluang menemuramah pegawai yang berkaitan bagi mendapat penjelasan yang lebih lanjut bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Antara intipati temuramah ini adalah berkaitan kriteria yang melayakkan sesebuah syarikat bagi mendapatkan bantuan pembiayaan dan teknikal, bentuk bantuan yang disediakan, faktor yang membolehkan usahawan wanita berjaya ke peringkat global, contoh syarikat yang berjaya ke peringkat global dan halangan yang selalunya dihadapi oleh para usahawan wanita yang terlibat dalam Perusahaan Kecil Dan Sederhana(PKS).

Menurut Puan Noohafiza Binti Ismail yang merupakan Penolong Pegawai Mara Daerah Seberang Perai Tengah, pembiayaan dan bantuan teknikal hanya diberikan kepada syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Disamping itu, beliau juga mengatakan bahawa syarikat tersebut perlulah menjalankan operasi syarikat selama 6 bulan dan ke atas sebelum memohon pembiayaan daripada pihak MARA. Bentuk pembiayaan yang diberikan adalah dalam bentuk modal pusingan dan peralatan. Selepas itu, setelah 3 atau 4 bulan selepas pembiayaan, pihak MARA akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa iaitu setiap 3 bulan sekali.

Tambahan lagi, pihak MARA juga memberikan peruntukan kepada penjaja kecil dengan nilai pinjaman maksima sebanyak RM10 ribu. Antara jenis sektor yang sering mendapat pembiayaan dari pihak MARA ialah sektor pembuatan yang terlibat dalam perusahaan kerepek, kedai makan dan gerai dan juga kosmetik. Menarik lagi, menurut Puan Hafiza juga, pihak MARA juga memberi bantuan dari aspek penyediaan papan tanda perniagaan dan premis serta turut membantu dalam strategi pemasaran melalui gerakan pengiklanan. Lebih daripada itu, pelbagai ekspo dan karnival jualan juga telah dilaksanakan bagi membantu memperluaskan pemasaran produk usahawan PKS wanita di Pulau Pinang. Beliau juga berpendapat bahawa melalui ekspo dan karnival jualan tersebut, usahawan wanita dapat memperluaskan jaringan perniagaan mereka ke peringkat global.

Antara syarikat milikan usahawan wanita Melayu Pulau Pinang yang telah berjaya mengembangkan perniagaan ke peringkat global ialah Syarikat Terang Bulan. Syarikat ini telah berjaya memasarkan produk mereka ke negara China. Hal ini adalah sesuatu yang perlu dibanggakan apabila wanita Melayu juga telah berjaya meletakkan diri setanding dengan syarikat-syarikat luar negara yang lain. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Puan Noorhafiza apabila produk dari negara Malaysia berjaya dipasarkan di negara China, hal ini terbukti bahawa produk yang dipasarkan mempunyai keistimewaan dan membawa label tersendiri.

Beliau juga mengatakan bahawa negara China sukar untuk menerima produk baru dari luar dan tidak menerima sebarang produk luar yang dibungkus semula. Oleh itu, melihatkan syarat-syarat yang dikemukakan oleh negara China dalam aspek pemarkan produk, maka terbuktilah bahawa Syarikat Terang Bulan yang menjadi milikan wanita Melayu Pulau Pinang harus dijadikan contoh oleh usahawan wanita yang ingin menceburi bidang PKS. Namun begitu, disebalik kejayaan yang dikecapi oleh usahawan wanita Melayu Pulau Pinang, mereka juga perlu menempuh pelbagai jenis halangan serta cabaran. Pada pendapat Puan Noor Hafiza, antara halangan utama yang perlu ditempuhi oleh usahawan tersebut adalah pusingan modal serta masalah peribadi iaitu secara terperinci adalah berkaitan tanggungjawab terhadap keluarga. Mereka terpaksa berhempas pulas untuk mendapatkan modal pusingan bagi mengembangkan perniagaan mereka.

Oleh itu, mara sebagai salah satu badan yang berperanan membantu usahawan Melayu telah memberi bantuan modal pusingan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Apabila berkaitan tanggungjawab terhadap keluarga, memang tidak dapat dinafikan bahawa wanita memainkan pelbagai peranan iaitu sebagai seorang isteri, ibu dan juga usahawan. Demikian, bagi menghadapi cabaran berkaitan tuntutan keluarga, para wanita ini hendaklah cekal dan bijak menguruskan masa dengan baik. Itulah antara intipati temuramah antara pengkaji dan Puan Noor Hafiza bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan.

4.2 HASIL TEMURAMAH BERSAMA PUAN SAZWANI BT ZULKIPLY (PENGURUS CAWANGAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA CAWANGAN BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG).

Seterusnya, selain MARA, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga telah memainkan peranan penting dalam membantu memajukan usahawan wanita di negara ini. Oleh itu, temuramah yang dilakukan bersama seorang Pengurus Cawangan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam usaha membantu menjawab persoalan kajian. Menurut Puan Sazwani, 98% daripada peminjam AIM adalah berbangsa Melayu dan selebihnya adalah berbangsa China dan India. Hal ini menunjukkan badan ini berjaya dalam menarik minat wanita melayu berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Beliau juga mengatakan bahawa AIM hanya memberikan bantuan daripada aspek kewangan dan khidmat nasihat serta kemahiran tetapi tidak menyediakan bantuan dari aspek alatan teknikal.

Syarat bagi pemohon adalah terdiri daripada wanita dan juga pendapatan bulanan tidak lebih dari RM 2300 dan perkapita RM 460. Tambahan lagi dalam Ikhtiar Wawasan, AIM juga telah memperkenalkan satu skim iaitu Skim Pembiayaan Ikhtiar Perusahaan Kecil. Kadar pinjaman bagi skim ini adalah bermula dari RM 20,000-RM50,000 (maksimum) dimana tempoh bayaran semula antara 25 minggu ke 250 minggu. Bayaran dilakukan secara mingguan dan caj pengurusan adalah sebanyak 10% dalam tempoh setahun dan 5% dalam tempoh bayaran balik dalam 6 bulan. Disamping itu, kadar pinjaman oleh pihak ini kepada usahawan wanita adalah bermula dari RM3000-RM50,000. Kenaikan kadar pinjaman boleh dipohon jika uahawan ini mempunyai rekod yang baik dalam pembayaran semula pinjaman terdahulu.

Menurut Puan Sazwani juga, adalah sesuatu yang membanggakan apabila ada usahawan wanita Melayu di Daerah Seberang Perai yang berjaya membayar pinjaman sebanyak RM50,000 hanya dalam tempoh 6 bulan. Hal ini menunjukkan usahawan wanita Melayu di Daerah Seberang Perai telah menunjukkan satu prestasi yang baik dalam bidang keusahawanan. Beliau juga turut mengatakan bahawa usahawan wanita melayu di daerah ini mampu berjaya jika mereka mengamalkan prinsip hidup seperti berdiri di atas kaki sendiri dan berani melangkah ke hadapan serta sabar menempuhi dugaan dan cabaran.

Dalam hasil temuramah ini, antara cabaran dan halangan bagi wanita Melayu di Seberang Perai, Pulau Pinang ini adalah kurangnya pendedahan berkaitan pengurusan perniagaan. Para usahawan ini sekalipun mempunyai modal, tetapi mereka tidak tahu bagaimana untuk menguruskan kewangan perniagaan mereka dengan baik. Hal ini boleh menjejaskan struktur perniagaan mereka. Oleh itu, secara kesimpulannya aspek pendidikan adalah penting bagi menentukan kejayaan sesebuah perniagaan usahawan wanita.

4.3 (RESPONDEN 1) PEMILIK TERANG BULAN FOOD INDUSTRIES (M) SDN

BHD

Butir-butir pemilik

Nama usahawan : Hazilah Abd Rahman

Umur: 38 tahun

Asal: Simpang Empat Tasek, Seberang Perai, Pulau Pinang

Status: Berkahwin

Taraf pendidikan: Diploma Perakaunan Dan Pengurusan Di Institut Bukit

Mertajam

Penglibatan dalam bidang perniagaan: 10 tahun

Butir-butir syarikat

Nama Syarikat/ perniagaan: Terang Bulan Food Industries (M) Sdn Bhd

Tahun penubuhan: 1976 (Allahyarham Haji Abd Rahman Bin Hussain) ,1989 (Di Ambil Alih Oleh Tuan Haji Azahir Bin Abdul Rahman dan 2003 (Diusahakan Oleh Puan Hazilah Binti Abdul Rahman)

Jenis syarikat /perniagaan: Pembuatan Minuman berasaskan teh dan kopi

Alamat: 1937-Q Kompleks Kilang SME Bank, Jln IKS Bukit Minyak, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Tel: 604 502 5597 Fax: 604 508 0326

Website: www.guaranacappucino.com Email: guaranacappucino@gmail.com

Pencapaian syarikat:

1- Anugerah Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2006 Kategori Sektor Industri Asas Tani. Anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang & Kerajaan Persekutuan.

2- Tempat kedua kategori Usahawan Siswazah Pertanian & Industri Asas Tani sempena Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2012.

3- Anugerah Usahawan 1 Malaysia Best Terbaik 2012 sempena sambutan 47 Tahun FAMA Peringkat Negeri Pulau Pinang 2012.

4- Tempat ketiga kategori produk minuman bersempena Showcase Satu Daerah Satu Industri 2012. Dari Malaysia ke Persada Dunia. Bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, Melaka.

Sejarah, Pencapaian Dan Masa Depan Syarikat.

Perniagaan Terang Bulan (PTB) ini telah ditubuhkan sekitar tahun 1976 oleh pengasasnya, Allahyarham Haji Abd Rahman Bin Hussain di Tasek Cempedak, Simpang Empat, Seberang Perai, Pulau Pinang. Pada tahun 1989, perniagaan ini diambil alih oleh anak lelaki beliau, Tuan Haji Azahair Bin Abdul Rahman. Bagi meneruskan delegasi perniagaan keluarga ini, puan Hazilah Binti Abdul Rahman (Ahli Jawatankuasa Dewan Wanita Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang) juga telah menguruskan syarikat ini pada tahun 2003.

Perniagaan ini sebenarnya bermula secara kecil-kecilan di rumah. Namun begitu, lama- kelamaan perniagaan ini semakin maju dan telah berpindah ke Kompleks Kilang SME Bank di Bukit Minyak, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang pada tahun 2003. Perniagaan milikan penuh bumiputera ini mempunyai kepakaran dalam menghasilkan produk minuman berasaskan teh dan kopi.

Antara produk hasil keluaran syarikat ini ialah teh, guarana cappucino, guarana collagen, guarana hot chocolate dan terbaru ialah biskut guarana. Produk-produk hasil keluaran syarikat ini juga telah berjaya dipasarkan di dalam pasaraya-pasaraya besar di Malaysia. Dengan adanya stokis di setiap negeri, maka aktiviti-aktiviti serta promosi dan pemasaran produk syarikat ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Selain stokis, strategi seperti iklan di televisyen, radio, majalah dan surat khabar juga telah dilakukan oleh pihak pengurusan syarikat bagi memperluaskan dan memperkenalkan produk keluaran syarikat ini.

Adalah sesuatu yang boleh dibanggakan apabila syarikat anak tempatan ini mampu menembusi pasaran antarabangsa. Produk-produk dari syarikat ini telah berjaya dipasarkan di negara China, Thailand, Brunei dan bakal memasuki pasaran Kemboja menjelang bulan Jun ini. Menurut Puan Hazilah selaku pengarah syarikat pada masa ini, penekanan turut diberikan terhadap aspek kualiti produk melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke atas produk telah dijalankan dan Puan Hazilah sendiri yang melakukan proses tersebut.

Disebalik kejayaan yang dikecapi oleh perniagaan ini, menurut Puan Hazilah, terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuhi. Antara cabaran-cabaran tersebut adalah dari aspek modal dan persaingan pasaran yang meluas. Dalam temuramah ini juga, Puan Hazilah telah menyatakan faktor-faktor kejayaan beliau dalam bidang perniagaan. Antaranya ialah keberanian, komitmen, kehendak diri sendiri, pendidikan (bahasa dan pergaulan –kemahiran komunikasi) dan tetap pendirian serta matlamat hala tuju.

Perancangan masa depan bagi syarikat ini adalah untuk mengembangkan lagi perniagaan sedia ada dan ingin menjadikan Perniagaan Terang Bulan sebagai salah satu syarikat/ perniagaan induk keluarga. Puan Hazilah juga berharap agar generasi ke-3 keluarga mereka akan meneruskan kecemerlangan prestasi perniagaan ini di masa akan datang.

4.4 (RESPONDEN 2) SYARIKAT/ PERNIAGAAN C.M SAL ENTERPRISE

Butir-Butir Pemilik

Nama Usahawan: Che Ma@ Salmah Binti Hashim

Umur : 68 tahun

Taraf pendidikan : Sijil Rendah Pelajaran (Penilaian Menengah Rendah)

Status perkahwinan: Ibu Tunggal

Asal: Seberang Perai Pulau Pinang

Penglibatan dalam perniagaan: 20 tahun

Butir-Butir Syarikat/Perniagaan

Nama syarikat/ perniagaan: C.M.Sal Enterprise

Tahun penubuhan : 2000

Jenis perniagaan: Pembuatan Makanan Ringan

Pencapaian syarikat: Anugerah Kategori Projek IKS Terbaik Bagi Tahun 2008 Sempena

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-35 Ppk Pokok Sena, S.P.U.

Alamat syarikat/ perniagaan: No 4626, Kampong Aman, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

No. Tel: 04-5753558

Sejarah, status dan masa hadapan

Menurut Puan Che Ma, belaiiau melibatkan diri dalam bidang perniagaan disebabkan mendapat dorongan dari pihak jabatan pertanian, setelah diberi bimbingan dan tunjuk ajar, beliau cuba untuk mempraktikkan apa yang dipelajari di bawah bimbingan jabatan pertanian dengan menubuhkan syarikat yang diberi nama C.M Sal Enterprise pada tahun 2000. Pernah beroperasi di bengkel kereta yang dijadikan bengkel mengusahakan industri makanan ringan antara cabaran yang telah dilalui oleh Che Ma @ Salmah Binti Hashim, 68. Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang industri makanan ringan.

Memegang jawatan sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Dewanita Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang ini, sebelum mencapai kejayaan sedia ada kini, ibu kepada tujuh anak ini pernah mengalami saat getir apabila mengalami kehilangan perkongsian. Hal ini menyebabkan beliau hampir berputus asa. Namun, atas semangat dan dorongan kaum keluarga, beliau bangkit semula bagi meneruskan perniagaan ini. Antara produk keluaran syarikat beliau adalah seperti maruku, kuih siput, kerepek simpul kasih dan juga kerepek bawang. Syarikat ini juga menjual produk sejuk beku yang dibekalkan oleh pembekal antaranya ialah kuih pau (ayam, kacang/kaya), samosa, karipap (ayam, daging dan sardin) dan juga roti canai.

Syarikat C M Sal Enterprise juga mempunyai kelebihan dan kekuatan yang tersendiri dimana produk keluaran syarikat ini mempunyai pembungkusan yang menarik dan ini dapat menarik perhatian para pembeli. Syarikat ini juga telah mendapat pengiktirafan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan juga SIRIM bagi keluaran produknya. Hal ini kerana isu makanan halal dan suci adalah penting bagi mendapatkan keyakinan pelanggan. Selain itu, makanan ringan yang dihasilkan oleh syarikat ini adalah jauh lebih baik berbanding makanan ringan yang sedia ada kerana ianya tidak mempunyai bahan-bahan pengawet yang boleh membahayakan kesihatan para pelanggan.

Disamping itu, disebalik kelebihan yang dimiliki, syarikat / perniagaan ini juga mempunyai kelemahan yang tersendiri. Kelemahan bagi syarikat ini adalah tidak mempunyai pengurusan yang baik dari segi kewangan. Kekurangan aspek berkaitan teknologi juga merupakan kelemahan syarikat ini. Hal ini menyebabkan produk tidak dapat dihasilkan dengan kadar yang banyak pada satu-satu masa. Di samping itu, kekurangan promosi juga menyebabkan produk syarikat ini tidak dapat dipasarkan dengan begitu meluas. Pada masa kini, syarikat ini sedang berusaha untuk mendapatkan dana yang mencukupi untuk menampung kekurangan yang sedia ada seterusnya membangunkan syarikat ini dengan lebih maju lagi di masa hadapan. Bagi produk tambahan, syarikat ini bercadang untuk menghasilkan coklat dan pemilik syarikat ini berharap agar produk terbaru dari syarikat ini akan mendapat sambutan yang hangat oleh para pelanggan.

4.5 (RESPONDEN 3) – DIQ RESOURCES

Butir- Butir Pemilik

Nama Usahawan: Puan Hashimah Binti Hashim

Umur : 48 tahun

Taraf pendidikan: Diploma Perniagaan Perniagaan (PJJ), UITM

Asal: Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Status perkahwinan: Berkahwin

Penglibatan dalam perniagaan: 20 tahun

Butir-Butir Syarikat/Perniagaan

Nama syarikat/ perniagaan : DIQ Resources

Alamat syarikat/ perniagaan: No, 27 Lorong 4, Taman Arowana, Permatang Pauh, 13500

Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Tahun penubuhan : 2009

Jenis perniagaan: Penyediaan makanan dan minuman, cederahati, pengurusan majlis dan produk IKS (aneka jenis biskut di musim perayaan).

No. Tel: 04 – 3990154 Fax: 04 – 3990154 Email: syima_diq@yahoo.com

Sejarah, status dan masa hadapan

Bermula dengan berniaga secara kecil-kecilan di rumah beliau, bekas pengurus bank ini telah mengorak langkah dalam bidang perniagaan. Setelah pulang dari berlin kerana mengikuta suami yang menyambung pelajaran, beliau mengambil keputusan untuk bergiat aktif dalam bidang pembuatan biskut dan cenderahati. Memegang jawatan Penolong Setiausaha dalam Dewanita Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMPP), puan hashimah mempunyai pengalaman yang meluas dalam bidang pemasaran dan pentadbiran. Bermodalkan hanya RM 500, beliau berjaya mencorak perniagaan beliau dengan begitu baik sekali. Faktor beliau menceburkan diri dalam bidang perniagaan adalah disebabkan oleh dorongan kaum keluarga, minat yang mendalam, aplikasi berkaitan ilmu perniagaan yang dipelajari ketika zaman universiti dan juga disebabkan faktor untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Berkat kecekalan dan kredibiliti yang beliau ada, pada masa kini beliau telah berjaya menguruskan majlis-majlis yang besar seperti menguruskan majlis zakat dan juga menjadi pendokong utama majlis serta pemberian cederahati kepada Syarikat Daya Qurban Scientific Sdn Bhd. Kemahiran memasak yang beliau miliki membolehkan beliau mendapat tempahan memasak untuk para pelajar tahfiz. Di sebalik kejayaan yang beliau miliki, terdapat juga cabaran yang terpaksa beliau tempuhi malah perlu jugadihadapi sepanjang penglibatan dalam bidang perniagaan ini.

Antara cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi adalah modal, ragam pelanggan dan juga kesukaran mencari lokasi perniagaan yang sesuai. Menurut Puan Hashimah lagi, perancangan perniagaan beliau pada masa hadapan ialah ingin membina restoran serta kafe sendiri dan ingin membuka butik baju wanita. Beliau juga merancang untuk membuka cawangan bagi perniagaan beliau supaya lebih dikenali dan mudah untuk pelanggan mendapatkan perkhidmatan dan produk dari perniagaan beliau.

4.6 (RESPONDEN 4) GURINDAM LARIS FESYEN ENTERPRISE

Butir- Butir Pemilik

Nama Usahawan: Sarimah Binti Hashim

Umur: 46 tahun

Taraf pendidikan: SPM

Asal: Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Penglibatan dalam perniagaan: 10 tahun

Status perkahwinan: Berkahwin

Butir-Butir Syarikat/Perniagaan

Nama syarikat/ perniagaan : Gurindam Laris Fesyen Enterprise

Alamat syarikat/ perniagaan: Lot G12 Kompleks Bukit Mertajam, 14400 Bukit Mertajam,
Seberang Perai Pulau Pinang.

Jenis perniagaan: Perkhidmatan Menjahit Pakaian

Tahun penubuhan : 2013

No. Tel: 016- 4685657

Sejarah, status dan masa hadapan

Menurut pemilik Gurindam Laris Fesyen Enterprise, beliau memulakan perniagaan jahitan secara kecil-kecilan di rumah. Namun begitu, atas sambutan pelanggan yang memuaskan, beliau membuka perniagaan yang diberi nama Gurindam Laris Fesyen Enterprise pada 2013. Kualiti jahitan yang beliau hasilkan telah menarik ramai pelanggan untuk menempah pakaian kepada beliau. Kadar tempahan untuk syarikat beliau meningkat menjelang musim perayaan. Kebolehan beliau menghasilkan pakaian yang berkualiti menyebabkan syarikat beliau dikenali di seluruh kawasan Bukit Mertajam khususnya. Faktor penglibatan beliau dalam bidang perniagaan adalah atas dorongan keluarga dan minat yang mendalam terhadap bidang jahitan. Beliau juga menghadapi cabaran dari aspek modal dan ragam pelanggan. Harapan beliau pada masa hadapan adalah untuk mengembangkan perniagaan beliau dengan lebih maju lagi dan mewariskan perniagaan beliau kepada anak perempuan beliau yang berminat dalam bidang jahitan.

4.7 (RESPONDEN 5) BERSAMA PUAN SURAYA BINTI SABUDIN (PEMILIK SWADAYA KOLEKSI)

Butir Diri Pemilik

Nama: Suraya Binti Sabudin.

Umur: 45 tahun

Asal: Seberang Perai, Pulau Pinang

Status: Berkahwin, mempunyai cahaya mata 4 orang

Latar belakang pendidikan : Lulusan SPM, menjalani Latihan Sambil Kerja (LSK) anjuran MARA selama 1 tahun dan kemudiannya mendalami kemahiran jahitan di Ipoh selama 1 tahun.

Penglibatan dalam perniagaan: Lebih 20 tahun

Butir Syarikat/ Perniagaan

Nama syarikat/perusahaan: Swadaya Koleksi

Alamat: 21A, Akeb MARA, Jalan Damby, 14400, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Tarikh mula beroperasi: Sekitar Oktober 1997-2013 di Seberang Perai Tengah ,Pulau Pinang tetapi syarikat ini telah mula beroperasi sejak tahun 1980an di Baling,Kedah.

Jenis perkhidmatan: Mengambil tempahan jahitan baju wanita (baju kurung, kebaya, kurung moden dll). Mengambil tempahan jahitan baju pengantin untuk butik-butik tertentu. Memberi perkhidmatan kursus menjahit kepada wanita yang berminat.

Prinsip syarikat/perusahaan: Mementingkan kualiti jahitan dan kepuasan pelanggan.


Sejarah, status dan masa hadapan

Menurut Puan Suraya, permulaan perniagaan beliau adalah bermula hanya dengan sebuah mesin dan bermodalkan RM1000. Kemudian, berkat usaha gigih beliau dan juga bantuan modal teknikal dan kewangan daripada pihak MARA dan TEKUN Nasional, maka, sehingga kini beliau telah memiliki beberapa mesin jahit di kedai dan rumah beliau. Saya juga ada bertanya tentang pusingan modal untuk menjalankan perniagaan. Beliau memberitahu bahawa selain mendapat bantuan pihak MARA dan Tekun Nasional, beliau juga ada menjalankan kelas jahitan beryuran kepada wanita-wanita yang berminat dalam bidang jahitan dan seterusnya, dengan bayaran yuran itulah beliau mendapat modal pusingan. Syarikat Swadaya Koleksi ini agak terkenal di sekitar daerah Bukit Mertajam, Seberang Perai Pulau Pinang kerana kualiti jahitan yang diberikan amat memuaskan hati pelanggan. Puan Suraya juga mempunyai pelanggan tetap yang tersendiri. Beliau juga merupakan seorang majikan dan usahawan yang mementingkan kualiti dan kepuasan pelanggan yang memakai pakaian yang dihasilkan oleh syarikat beliau.

Disebalik kejayaan beliau, terdapat juga cabaran dan halangan yang telah beliau tempuhi. Antara cabaran yang paling penting adalah cabaran untuk mendapatkan pekerja yang berkemahiran tinggi dalam menghasilkan baju-baju serta jahitan yang berkualiti. Menurut beliau,sesuai dengan keadaan di pulau pinang yang mempunyai pertumbuhan yang amat pesat dalam bidang industri dan perkilangan, golongan wanita lebih berminat dalam kerja-kerja industri dan perkilangan berbanding kerja-kerja kemahiran seperti jahitan ini.Akhir sekali dalam sesi temuramah ini, beliau juga mengharapkan agar wanita di luar sana berani tampil ke hadapan dalam bidang perniagaan kerana sumber pendapatan utama boleh didapati melalui perniagaan.

4.8 ANALISIS HASIL DAPATAN


Carta 4.0 : Skala Umur Usahawan Wanita Melayu Daerah Seberang Perai Pulau Pinang



Sumber: Hasil Kajian

Carta di atas, usahawan wanita Melayu Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang, responden 1 dan 5 mempunyai had umur yang sama iaitu sekitar 30-44 tetapi penglibatan mereka dalam bidang yang berbeza-beza. Hal ini sama juga dengan skala umur 45-59 tahun iaitu terdiri daripada responden 3 dan 4. Manakala pula dalam had umur 60-74 hanya terdapat satu responden saja yang berada dalam lingkungan had umur ini. Responden ke-5 yang berada dalam bidang penghasilan berasaskan makanan tradisional. Berkemungkinan faktor umur membawa kepada penglibatan bidang yang berbeza-beza bagi usahawan ini.

Carta 4.1 : Taraf Pendidikan Usahawan Wanita Melayu Daerah Seberang Perai Pulau Pinang.



Sumber : Hasil Kajian

Berdasarkan hasil dapatan carta di atas yang berkaitan taraf pendidikan, didapati bahawa majoriti usahawan wanita di daerah ini mempunyai taraf pendidikan yang agak memuaskan. Hal ini menunjukkan bahawa faktor kejayaan bagi kelima-lima responden adalah juga bergantung kepada faktor pendidikan. Tahap pendidikan yang paling rendah dicatatkan adalah 20% mewakili kelulusan PMR dan masing-masing 40% bagi usahawan yang mempunyai kelulusan SPM dan Diploma.


Carta 4.2: Pengalaman Dalam Bidang Perniagaan.



Sumber: Hasil Kajian

Menerusi carta di atas, majoriti usahawan wanita Melayu di daerah Seberang Perai Pulau Pinang melibatkan diri dalam bidang perniagaan dalam tempoh masa 10 tahun – 20 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman memainkan penting dalam menjayakan sesebuah perniagaan. Dengan pengalaman, para usahawan dapat menguruskan perniagaan dengan lebih baik.

Carta 4.3 :Faktor Mempengaruhi Penglibatan Usahawan Wanita Melayu PKS Daerah Seberang Perai Pulau Pinang Dalam Bidang Perniagaan.



Sumber: Hasil Kajian

Hasil dapatan menunjukkan bahawa dorongan keluarga, minat dan menambah pendapatan adalah faktor terpenting yang mempengaruhi penglibatan usahawan-usahawan tersebut dalam bidang perniagaan. Manakala faktor dorongan agensi dan warisan merupakan faktor minor yang mendorong penglibatan usahawan-usahawan ini dalam bidang perniagaan.

Carta 4.4 : Strategi Perniagaan



Berpandukan carta pai di atas, maka terbuktiilah peranan media massa dan penumpuan terhadap pasaran domestik dapat memberi kejayaan kepada usahawan wanita melayu pks di seberang perai pulau pinang dalam memasarkan barangan mereka kepada para pelanggan. Namun begitu, peranan ekspo keusahawanan juga penting bagi memastikan promosi produk usahawan-usahawan ini dapat dilakukan dengan baik.

Bagaimanakah agensi kerajaan dan swasta memainkan peranan dalam membantu puan membangunkan perniagaan / syarikat puan?

Responden	Jawapan
1	Agensi kerajaan banyak memberi bantuan dari aspek bantuan teknikal seperti mesin serta bimbingan dan khidmat sokongan berbentuk kursus-kursus serta latihan keusahawanan. Dari aspek pembiayaan juga agensi seperti MARA dan SME Bank telah menyediakan pembiayaan pinjaman modal pusingan
2	Bantuan modal adalah bantuan terpenting yang telah agensi seperti Jabatan Pertanian, TEKUN Nasional, Risa dan MARA. Disamping itu, kursus-kursus yang diberikan telah banyak membantu bagi perkembangan syarikat ini. tidak lupa juga bantuan mesin serta lokasi bengkel tempat permulaan perniagaan ini.
3	Setakat ini perniagaan ini hanya menggunakan modal sendiri. Namun begitu, bantuan agensi seperti Dewanita Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang telah memberi banyak bantuan kepada perniagaan ini untuk memasarkan produk-produk yang dihasilkan.
4	Seperti mana yang kita tahu, setiap usahawan mesti mempunyai masalah dari segi modal. Namun begitu, pihak TEKUN Nasional banyak membantu perniagaan ini dari aspek pembiayaan pinjaman modal pusingan.
5	Sudah tentu agensi-agensi kerajaan dan swasta banyak membantu dalam memberikan modal kepada perniagaan ini. Terutama sekali kepada pihak TEKUN yang telah memberi modal pusingan dalam perniagaan ini. Disamping itu, pihak MARA juga telah memberi peluang untuk perniagaan ini untuk berkembang maju dari aspek penyediaan lokasi perniagaan yang strategik dan juga bantuan mesin jahit tambahan.

Oleh itu, setelah melihat jawapan yang telah diberikan oleh responden-responden tersebut, maka dapat dikatakan di sini bahawa agensi-agensi kerajaan telah memainkan peranan penting bagi pembangunan usahawan wanita Melayu PKS di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Antara bantuan yang diberikan adalah modal, lokasi perniagaan, mesin-mesin dan juga bimbingan dalam bidang keusahawanan.

Apakah cabaran dan halangan yang terpaksa perniagaan/syarikat puan hadapi bagi membangunkan syarikat dan perniagaan puan?

Responden	Jawapan
1	Kekurangan modal pusingan, persaingan pasaran yang sangat sengit
2	Kekurangan modal pusingan, kerenah pelanggan ,kekurangan mesin dan produk tidak dapat dikeluarkan dengan banyak serta persaingan pasaran.
3	Kekurangan modal pusingan, ragam pelanggan dan lokasi perniagaan yang bersesuaian
4	Kekurangan modal pusingan, ragam pelanggan dan pekerja yang mahir dalam bidang jahitan
5	Kekurangan modal pusingan dan kesukaran mendapatkan pekerja mahir dalam bidang jahita.

Setelah meneliti jawapan yang diberikan oleh responden, maka terbukti bahawa kekurangan modal merupakan cabaran dan halangan utama bagi usahawan-usahawan wanita Melayu PKS Daerah Seberang Perai Pulau Pinang untuk berjaya. Namun begitu, ragam pelanggan juga boleh dikatakan sebagai cabaran dan halangan kepada usahawan-usahawan wanita melayu ini. Oleh itu, kunci utama untuk berjaya dalam bidang perniagaan adalah seseorang usahawan itu perlu sabar dalam menempuhi cabaran dalam bidang ini.

4.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil dapatan dan analisis data, kajian ini mendapati bahawa faktor individu usahawan, faktor pendidikan, faktor persekitaran dan juga peranan agensi swasta dan kerajaan memainkan peranan penting dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini bersetuju dengan kajian terdahulu oleh (Muhammad Asri Abd Ghani & Zaimah Darawi, 2012) yang mengatakan bahawa faktor dorongan keluarga memainkan peranan penting dalam penglibatan usahawan PKS serta faktor sokongan institusi kerajaan, kemahiran mengurus perniagaan juga adalah faktor penting dalam penentuan prestasi usahawan-usahawan. Faktor pendidikan dan latihan dalam kajian ini turut memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan usahawan wanita itu sendiri. Oleh itu, kajian ini tidak bersetuju dengan pendapat oleh Shahrin & Goh (2000) yang telah mengatakan bahawa faktor taraf pendidikan dan latihan kurang berpengaruh bagi bidang usahawan.

Dari aspek cabaran dan halangan, usahawan wanita Melayu PKS Daerah Seberang Perai Pulau Pinang menghadapi cabaran utama dalam aspek kekurangan modal. Hal ini turut dikemukakan dalam kajian (Mason & Marhani Ibrahim, 2012) dan (Rohayu Roddin *et. al*, 2010) yang mengenalpasti masalah kekurangan modal oleh wanita di seluruh Malaysia. Selain itu juga, usahawan wanita di daerah ini juga menghadapi cabaran dari aspek ragam pelanggan dan juga persaingan dalam pasaran yang sangat sengit.

BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN BAB

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kajian yang bertajuk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS): Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kejayaan dan Cabaran Bagi Usahawan Wanita Melayu Di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang. Dalam bab ini, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan yang berkaitan bagi memperkasakan usahawan wanita Perusahaan Kecil dan Sederhana di peringkat global.

5.1 CADANGAN

Pertama sekali, bagi usahawan wanita itu sendiri, mereka perlu mempunyai sifat-sifat positif jika ingin terus berjaya. Antara sifat-sifat positif yang perlu ada dalam diri mereka adalah keyakinan diri, tetap pendirian, gigih berusaha, tidak mudah putus asa, rajin untuk mempelajari ilmu baru, tidak lokek untuk berkongsi rahsia kejayaan dengan usahawan lain, sentiasa bersangka baik dan mempunyai minda terbuka.

Seperti mana yang kita semua tahu, kebanyakan usahawan wanita Melayu yang terkandas di tengah jalan adalah disebabkan sikap mereka sendiri. Sebagai usahawan mereka sepatutnya menerapkan budaya perniagaan yang positif dalam kalangan mereka. Namun begitu, kebanyakan usahawan melayu khususnya lebih mempunyai budaya perniagaan negatif dalam diri mereka. Sifat hasad dengki dalam kalangan masyarakat Melayu seolah-olah sudah sebatikan dalam diri mereka. Sikap ini perlu dikikis jika mereka

ingin berjaya. Tambahan lagi, walaupun kita sudah berjaya, perlu diingat bahawa dunia ini ibarat roda, sekejap diatas dan sekejap dibawah. Oleh itu, usahawan Melayu juga perlu membuang sikap bongkak dan sombong dalam diri mereka. Kita perlu ingat bahawa setiap kejayaan adalah bermula dari dalam diri sendiri. Kemudian, kita juga menyedari bahawa faktor taraf pendidikan mempunyai kaitan yang rapat dengan kejayaan para usahawan wanita Melayu di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang.

Taraf pendidikan boleh juga dikategorikan sebagai pendidikan kemahiran dan pengalaman dalam bidang perniagaan. Isu pendidikan menjadi teras dalam kejayaan hidup seorang usahawan. Seseorang usahawan itu perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi bagi mengendalikan perniagaan. Hal ini supaya perniagaan dapat dikendalikan dengan teratur. Di samping itu, para usahawan wanita Melayu juga perlu memantapkan diri dengan kemahiran seperti kemahiran pergaulan dan kemahiran berbahasa. Kemahiran berbahasa amat penting bagi usahawan supaya mereka dapat berkomunikasi dengan lebih baik di peringkat global. Agensi-agensi berkaitan juga perlu melaksanakan kursus bahasa dan komunikasi untuk para usahawan ini. Jika mereka mahir dalam pelbagai bahasa, hal ini boleh meningkatkan keyakinan diri mereka. Faktor persekitaran juga merupakan salah satu faktor pemangkin kepada kejayaan usahawan wanita Melayu.

Hal ini kerana kita hidup dalam satu komuniti bermasyarakat oleh itu, masyarakat yang positif mampu mendorong kepada kejayaan usahawan itu sendiri, manakala pula, masyarakat yang negatif menjadi penghalang kepada kejayaan usahawan wanita Melayu. Di Malaysia, kita tidak mempunyai masalah ketaksamarataan antara lelaki dan wanita. Namun begitu, terdapat juga segelintir masyarakat yang memandang rendah terhadap kemampuan usahawan wanita.

Persepsi sebegini perlu diubah kerana ianya merupakan budaya yang tidak sihat dan boleh menjatuhkan semangat usahawan wanita Melayu. Semangat belilah barangan buatan Malaysia juga harus diterapkan kepada masyarakat di luar sana. Hal ini kerana, barangan buatan Malaysia juga mempunyai kualiti yang tersendiri. Jika kita sebagai rakyat Malaysia tidak mahu memberi sokongan kepada usahawan wanita Melayu, maka bagaimana mereka boleh berkembang ke peringkat yang lebih baik? Sebagai tambahan, kempen kesedaran berkaitan produk halal juga boleh dilaksanakan dalam kalangan masyarakat kita. Kesedaran berkaitan produk halal ini penting kerana kita dapati bahawa PKS dalam kalangan wanita adalah bersaskan produk pembuatan berasaskan makanan dan minuman. Jika masyarakat lebih menitikberatkan produk keluaran halal, maka produk usahawan wanita Melayu dapat berkembang dengan lebih pesat.

Kita sedia maklum bahawa sudah banyak produk keluaran usahawan wanita Melayu berjaya dipasarkan di pasaraya-pasaraya besar di seluruh Malaysia. Antaranya ialah Giant, Tesco, Aeon Big dan juga Mydin. Maka terbuktilah bahawa produk-produk buatan syarikat Melayu mampu menembusi pasaran yang lebih besar. Diharap selepas ini lebih banyak pasaraya-pasaraya besar yang membuka peluang perniagaan kepada wanita Melayu bagi menglobalkan produk-produk mereka.

Seterusnya, adalah menjadi kebiasaan apabila usahawan wanita Melayu mengalami masalah modal dalam usaha untuk mengembangkan perniagaan mereka. Oleh itu, agensi-agensi kerajaan dan swasta perlu memainkan peranan yang penting bagi membantu usahawan ini supaya berdaya saing di pelbagai peringkat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa agensi-agensi kerajaan dan swasta di Malaysia telah banyak membantu usahawan wanita Melayu khususnya di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Namun begitu, mungkin kadang-kadang kerenah birokrasi yang menyebabkan usahawan ini sukar untuk mendapatkan bantuan.

Oleh itu, adalah sangat baik dan efektif jika kerenah birokrasi dapat dikurangkan di masa hadapan. Penubuhan satu biro khas untuk mengkaji perkembangan syarikat milikan usahawan wanita amat penting kerana kita dapat mengenalpasti potensi syarikat tersebut dan boleh mengacu usahawan-usahawan ini supaya bergerak lebih maju. Itulah antara cadangan-cadangan yang mampu diberikan untuk kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, usahawan wanita Melayu khususnya di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang mampu bergerak maju ke hadapan jika mendapat bimbingan serta motivasi bermula dari dalam diri sendiri. Seterusnya faktor-faktor lain juga penting bagi memastikan kejayaan mereka. Oleh itu, diharap pada masa akan datang kajian ini dapat diperhalusi ke peringkat yang lebih luas.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian .(2011). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol 1 Bil 1*. Boleh didapati di http://www.ukm.my/jpbm/pdf/1-12_Rasid_UPM.pdf [Akses pada 20 Mac 2013].
- Ayadurai, Selvamalar (2004), “*Profile of Women Entrepreneurs in a War-Torn Area: Case Study of the NorthEast of Sri Lanka, 2005, Paper Presented at the 50th World Conference of the International Council for Small Business (ICSB), Washington*. Boleh didapati di :http://media.wix.com/ugd/49fc3a_e154e0ac85d930ca0baf417cf860d65b.pdf [Akses pada: 20 Mac 2013]
- Barwa, S. D., (2003) ILO Vietnam Working Paper Series No. 1, *Impact of Start Your Business (SYB) Training on Women Entrepreneurs in Vietnam, ILO Office, in Vietnam*. Boleh didapati di : http://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---asia/---ro-bangkok/---ilo-hanoi/documents/publication/wcms_144540.pdf [Akses pada : 20 Mac 3013]
- Carian Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) @ DBP Malaysia. Definisi Usahawan: Kamus Dewan Edisi Ke-4 [Atas Talian]. Boleh didapati di: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=usahawan> [Akses pada 5 Januari 2013]
- Chawla, V.(2009). Problems of Women Entrepreneurs in India. Boleh didapati di <http://www.managementparadise.com/forums/entrepreneurship-intrapreneurship/137437-problems-women-entrepreneurs-india.html> [Akses pada: 20 Mac 2013].
- Chittithaworn, C., Islam, M. , Keawchana, T. & Dayang Hasliza. (2011). *Factors Affecting Business Success of Small & Medium Enterprises (SMEs) in Thailand. Asian Social Science, Vol. 7, (No. 5);, p.186*. Boleh didapati di :www.researchgate.net/...Small_Medium_Enterprises.../32bfe50d7d58b1eaea.pdf- [Akses pada: 20 Mac 2013].
- Helal Uz Zaman, A. & Islam, M. (2011). *Small and Medium Enterprises Development in Bangladesh: Problems and Prospects. ASA University Review,, Vol. 5 (No. 1), m/s.149*. Boleh didapati di: www.asaub.edu.bd/data/asaubreview/v5n1sl9.pdf [Akses pada : 20 Mac 2013].
- Hookoomsing & Essoo (2003).*SEED Working Paper No. 58, Promoting Female Entrepreneurship in Mauritius: Strategies in Training and Development, International Labour Office, Geneva*. Boleh didapati di: http://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/@ed_emp/@emp_ent/documents/publication/wcms_113776.pdf [Akses pada : 20 Mac 2013]

- Hossain, A., Naser, K., Zaman, A. & Nuseibeh, R. (2009). *Factors influencing women business development in the developing countries Evidence from Bangladesh. International Journal of Organizational Analysis*, Vol. 17 (No. 3), boleh didapati di: www.emeraldinsight.com/1934-8835.htm [Akses pada : 20 Mac 2013].)
- Hasnah Ali, Norhafizah Abdul Razak & Sanep Ahmad. (2010). *Faktor Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Peruncitan Melayu: Satu Kajian Kes . Prosiding Perkem V*, 2pp.141-151. Boleh didapati di :www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemv/perkem2010-2-15.pdf [Akses pada: 20 Mac 2013].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Kenyataan Akhbar : Sidang Media Laporan Banci Perusahaan Kecil dan Sederhana 2011*(18 September 2012). Boleh didapati di: www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/...BE2011_PKSBM.pdf [Akses pada 30 Disember 2012]
- Kalaichelvi A/P Rajagopal.(2012). *Bajet Perusahaan Kecil Dan Sederhana 2013*[blog *kewartawanan*] .Boleh didapati di <http://ekspresi11.wordpress.com/2012/12/02/bajet-perusahaan-kecil-dan-sederhana-2013/> [Akses pada 29 Disember 2013]
- Laporan Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Malaysia. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (2010).PKS: *Peneraju Transformasi Perniagaan* Boleh didapati di http://www.miti.gov.my/storage/documents/b8b/com.tms.cms.document.Document_afff64f5-c0a81573-2dc72dc7-6a3d49e9/1/Miti_Laporan_Tahunan_2010_Malay.pdf [Akses pada 30 Disember 2012]
- Mason, C. & Marhaini Ibrahim . (2012). Challenges faced by Muslim women entrepreneurs: the Malaysian Context: *3rd International Conference on Business and Economic Research(3rd ICBER 2012)* Proceeding 12 - 13 March 2012. Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia. Boleh didapati di: www.internationalconference.com.my/.../161_057_3rdICBER2012_Proceeding_PG2350_2359.pdf [Akses pada: 20 Mac]
- Malach-Pines, A. & Ozbilgin, M. F. (Edt).(2010). *Handbook of Research on High-Technology Entrepreneurs*. United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited.
- Merriam Webster Dictionary (2013). Merriam Webster Dictionary.[Atas Talian]. Boleh didapati di <http://www.merriam.webster.com/dictionary/businesswoman> [Akses pada 5 Januari 2013]
- Mohd Khairuddin Hashim (Ed). (2010). *Fundamental Issues in Small and Medium-Sized Enterprises*. Sintok, Kedah: UUM Press.

Mohd Khairuddin Hashim. (2011). *Managing Small and Medium-Sized Enterprise the Malaysian Perspectives*. Sintok: UUM Press.

Muhamad Asri Abd Ghani, & Zaimah Darawi .(2012). Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru. *PROSIDING PERKEMVII*, 1pp.696-708. Boleh didapati di: www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_3A4.pdf - [Akses pada: 20 Mac 2013].

Norbaiti Tukiman& Ghazali Ismail. (2010). *Projek Penyelidikan Dana Kecemerlangan: Cabaran Dan Faktor Kejayaan Usahawan Wanita Bumiputera Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Di Negeri Melaka*. Melaka: UITM. Boleh didapati di http://eprints.uitm.edu.my/6920/1/LP_NORBAIT1%20TUKIMAN%2010_24.PDF [Akses Pada 5 Januari 2013].

Okafor, C. & Mordi, C. (2010). "Women Entrepreneurship Development in Nigeria: the Effect of Environmental Factors" *Petroleum –Gas University of Ploiesti Bulletin* Vol . LXII No. 4/2010, pp 43-52. Boleh didapati di: <http://www.upg-bulletin-se.ro/archive/2010-4/5.%20Okafor,%20Mordi.pdf> [Akses pada : 20 Mac 2013].

Parboteeah, K. & Cullen, J. (2011). *Strategic International Management*. 5th Ed. South-Western: Cengage Learning.

Portal Rasmi Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang: Dewanita DMMPP (2010-2013). Boleh didapati di <http://dpmppp.my/bahagian/dewanita-dpmppp/> [Akses Pada 5 Januari 2013]

Portal Rasmi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM) 2012: *Agenda Ekonomi Bumiputera Tetap Keutamaan Kerajaan 5 Jun 2012* .Boleh Didapati Di <http://www.gabem.my/portalfz/index.php/component/k2/item/13-agenda-ekonomi-bumiputera-tetap-keutamaan-kerajaan> [Akses pada 30 Disember 2012]

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (2011). Pusat Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) Pulau Pinang: *Kenyataan Akhbar oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Lim Guan Eng pada 2 Disember 2011 di KOMTAR*. Pusat Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) Pulau Pinang Menjana Pembanguna Usahawan dan Inovasi – Usahawantekno. Boleh didapati di <http://www.penang.gov.my/> [Akses pada 15 Disember 2013].

Richardson, P. Howarth, R. & Finnegan, G. (2004), SEED Working Paper No. 47, The Challenges of Growing Small Businesses: Insights from Women Entrepreneurs in Africa, International Labour Office, Geneva. Boleh didapati di: http://www.ilo.int/wcmsp5/groups/public/---ed_emp/---emp_ent/documents/publication/wcms_111395.pdf [Akses pada : 20 Mac 2013].

- Ringkasan Pelan Induk PKS (2012-2020). Boleh didapati di http://www.smecorp.gov.my/vn2/sites/default/files/SME%20Masterplan%202012-2020%20%28booklet%29_1.pdf [Akses Pada 15 Disember 2012]
- Rogoff. E.g., Myung-Soo Lee & Dong-Churl Suh.(2004).“Who Done It?” Attributions by Entrepreneurs and Experts of the Factors that Cause and Impede Small Business Success. *Journal of Small Business Management*, 42(4) p.364–376. Boelh didapati di : <http://onlinelibrary.wiley.com/store/10.1111/j.1540-627X.2004.00117.x/asset/j.1540-627X.2004.00117.x.pdf?v=1&t=hhn4iqqi&s=0e0596f6c2aeaa9b72d9ea69a46d0d5cedb99654> [Akses pada: 20 Mac 2013].
- Rohayu Roddin, Marina Ibrahim Mukhtar, Ahmad Esa, Sarebah Warman, Maziana Mohamed, Anizam Mohamed Yusof & Azmanirah Ab Rahman. (2010). Pendidikan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Wanita Ketua Isi Rumah Luar Bandar. Boleh didapati di: [http://eprints.uthm.edu.my/444/1/Rohayu_Roddin\(Dekan2010\).pdf](http://eprints.uthm.edu.my/444/1/Rohayu_Roddin(Dekan2010).pdf) [Akses Pada: 20 Mac 2013].
- Sana'a Abdul Karim & Dr. Ilhaamie Abdul Ghani Azmi Muslim Women Entrepreneurs : A Study on Success Factors *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan* http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/kertas_persidangan/2011/06/muslim_women_entrepreneurs_a_study_on_success_factors.pdf [Akses pada : 20 Mac 2013].
- Shahrin Hashim & Goh K.L. (2010). *Penglibatan Usahawan Bumiputera Dalam Sektor Pelancongan : Satu Kajian Kes Di Kawasan Bandar Hilir, Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman Md. Yassin (1998). Ucapan Pengalaman Antarabangsa Di Dalam Pembangunan Usahawan Wanita Luar Bandar: Pembentukan Ciri-ciri Keusahawanan di Trengganu : Prosiding Seminar Kebangsaan Anjuran Bersama Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) Dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, pada 23 – 26 Ogos, 1998. Boleh didapati di : <http://www.ybk.org.my/muat-turun/finish/7/6.html> [akses pada 20 mac 2013].
- Thomas Chong. (2012). *Pelan Induk PKS Dilancar : Akbar Utusan Malaysia 13 Julai 2012 [Atas Talian]*. Boleh didapati di : http://ww1.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0713&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm [Akses Pada 15 Disember 2013].